



Inkubasi usahawan tani

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) menganjurkan Program Inkubasi Usahawan Tani bagi melahirkan usahawan dalam kalangan graduan, khususnya dalam bidang pertanian selaras dengan hasrat kerajaan untuk menambah bilangan usahawan muda.

Objektifnya adalah untuk melahirkan graduan yang mempunyai atribut keusahawanan dalam bidang pertanian, merangkumi aspek pengeluaran, pemprosesan dan perniagaan tani.

Memasuki fasa kedua, program ini berjalan secara sepenuh masa selama enam bulan bermula 2 Januari lalu dan antara modul yang ditawarkan ialah tanaman rock melon, akuakultur, ternakan ayam kampung kakukan, pengurusan perkhidmatan makanan, perdagangan dan ekopelancongan.

info
Agro